

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Bank Islam catat prestasi terbaik |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                      |             |                     |
| Date       | 19 Feb 2014                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Bisnes                            | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 58                                | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 265 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | SAPINAH AB GHANI                  | AdValue     | RM 3,368            |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 10,104           |



# Bank Islam catat prestasi terbaik

**SAPINAH AB GHANI**

**BANK** Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) mencatatkan prestasi kewangan terbaik tahun lalu, iaitu paling tertinggi sejak penubuhannya 31 tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, walaupun belum diumumkan secara rasmi, beliau mengesahkan prestasi itu termasuk pertumbuhan aset, pembiayaan dan liabiliti yang membuktikan Bank Islam merupakan antara bank yang mendapat kepercayaan dan penerimaan begitu tinggi oleh rakyat di negara ini.

"Pengumuman rasmi mengenai perkara ini akan dibuat penghujung bulan ini," katanya selepas Majlis Perasmian Cawangan Bank Islam ke-134 di Padang Garong, Kota Bharu, Kelantan, semalam.

Perasmian itu diseripurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Mengulas lanjut, Zukri bagaimanapun berkata, secara keseluruhan prestasi bank itu dijangka merosot sedikit tahun ini dan tidak dapat menandingi prestasi tahun lalu, namun yakin ia masih mampu mencatat keuntungan memuaskan.

"Kita jangka, pertumbuhan aset dan pembiayaan Bank Islam tahun ini kurang sedikit berbanding 2013, iaitu sekadar 10 peratus sahaja sepanjang tahun ini, berikutan pengguna lebih berhati-hati dalam aspek perbelanjaan termasuk membuat pinjaman," katanya.

Dalam pada itu Zukri berkata, sehingga penghujung tahun ini, Bank Islam menyasarkan membuka tujuh lagi cawangan iaitu di Jalan Chan Sow Lin di Kuala Lumpur, Bandar Enstek, Bukit Ibai, Terengganu, Sri Damansara, Puchong dan Johor.

"Di Kelantan sahaja, terdapat 13 cawangan tidak termasuk yang baharu dan bakal dibuka di Padang Garong serta Wakaf Bharu, manakala tahun depan kita jangka buka sembilan cawangan lagi bagi mencapai sasaran memiliki 150 cawangan di seluruh negara penghujung 2015 nanti" katanya.

Pada majlis itu juga, Bank Islam turut menyerahkan sebuah pacuan empat roda Toyota Hilux bernilai RM95,000 kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan bagi memudahkan aktiviti berdakwah oleh kakitangan jabatan itu kepada komuniti Orang Asli di kawasan pedalaman.



Zukri (kanan) mengiringi Ahmad yang menyempurnakan perasmian Bank Islam cawangan Padang Garong, semalam.